


Kempen Sembahyang Berjemaah bersempena Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara Tahun 1440 Hijrah / 2019 Masihi



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong (empat, kanan), Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong (tiga, kanan) dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin (dua, kanan) hadir selaku tetamu khas pada majlis keagamaan tersebut. Sembahyang Fardu Subuh diimamkan oleh Tenaga Pengajar, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanul Bolkihah, Awang Mohd. Fikri bin Haji Sharbini.

MADANG, Jumaat, 5 April. - Sesiapa yang menghidupkan rumah-rumah Allah (masjid) dengan penuh berkasih sayang semata-mata kerana-Nya dan tidak berbuat zalim serta beristighfar dan meminta keampunan kepada Allah di waktu Subuh, maka mereka itu adalah penyelamat di mata Allah.

Penolong Profesor, Fakulti Bahasa Arab, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Haji Hambali bin Haji Jaili menegaskan, kita hendaklah beramal soleh kepada-Nya tanpa berbuat syirik dalam melakukan sesuatu ibadah itu.

"Hendaklah ibadah yang kita buat itu disertai dengan keikhlasan kepada Allah.

Bukan dengan niat untuk kita menunjuk-nunjuk, bukan dengan niat kita merasakan kita lebih pandai dan alim pada orang lain, tapi semata-mata kerana Allah," jelasnya semasa menyampaikan Tadabbur Al-Quran pada Kempen Sembahyang Berjemaah bersempena Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara Tahun 1440 Hijrah / 2019 Masihi, di Masjid Suri Seri Begawan Pengiran Anak Damit, Kampung Madang / Manggis.

Tetamu khas yang menyertai majlis keagamaan itu ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong; Menteri Sumber-Sumber Utama

dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Terdahulu, Sembahyang Fardu Subuh berjemaah diimamkan oleh Tenaga Pengajar, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanul Bolkihah, Awang Mohd. Fikri bin Haji Sharbini diikuti dengan membaca Surah Al-Kahfi beramai-ramai dipimpin oleh Pegawai Masjid berkenaan, Awang Haji Jofri bin Haji Abidin.

Sementara Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei

Manusia) dan Perindustrian, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Matsatejo bin Sokiauw.

Majlis dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Subuh berjemaah yang diimamkan oleh Tenaga Pengajar, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanul Bolkihah, Awang Mohammad Azim bin Awang Haji Ali, diikuti dengan membaca Surah Al-Kahfi beramai-ramai yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Muslim bin Haji Abdul Razak.

Turut menyerikan majlis, Tadabbur Al-Quran disampaikan oleh Penolong Pensyarah, Pusat Ilmu Teras, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Awang Nazirul Mubin bin Ahad.

Bagi memberkati majlis, acara diakhiri dengan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam yang dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Ahmad Syafiq bin Haji Osman.

Kempen dihasrat akan dapat melahirkan masyarakat yang murni dan berbudi pekerti yang mulia serta dapat membuang sikap pentingkan diri dan takbur semasa berjemaah kerana umat Islam itu adalah sama disisi Allah Subhanahu Wata'ala.

Sementara itu, tumpuan utama majlis diadakan di Jame' 'Asr Hassanul Bolkihah, Kampung Kiarong dan masjid-masjid tumpuan di Masjid Suri Seri Begawan Raja Isteri Pengiran Anak Damit Kampung Manggis / Madang; Masjid Mohamed Bolkihah, Kampung Serusop; dan Masjid Universiti Brunei Darussalam bagi Daerah Brunei dan Muara.

Masjid Suri Seri Begawan Pengiran Anak Damit

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman

Darussalam dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Tingkat Khas, Jame' 'Asr Hassanul Bolkihah, Awang Haji Haris bin Haji Suboh.

Kempen Sembahyang Berjemaah merupakan acara iringan sempena Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara yang diungkapkan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Hal Ehwal Masjid dan diadakan secara serentak di keempat-empat daerah di semua masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara.

Usaha ini dilaksanakan bagi memakmurkan rumah Allah dengan meramaikan kehadiran jemaah untuk mendirikan sembahyang secara berjemaah.

Sembahyang berjemaah mempunyai banyak kelebihan dan telah disebutkan oleh Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dalam sabda Baginda yang bermaksud: "Sembahyang berjemaah itu lebih afdal daripada sembahyang berseorangan dengan kelebihan 27 darjat", (riwayat Al-Bukhari).

Antara kelebihan sembahyang berjemaah dari segi saintifik telah terbukti bahawa sentuhan antara bahu jemaah ketika sembahyang berjemaah mampu menyeimbangkan cas elektrik positif dan negatif yang terdapat dalam tubuh manusia dan menjadikan tubuh lebih segar dan bertenaga.

Masjid Kampung Penanjong, Tutong



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman (tengah) semasa hadir pada majlis tersebut.

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin

TUTONG, Jumaat, 5 April. - Masjid Kampung Penanjong, Tutong menjadi tumpuan Kempen Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah yang diungkapkan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) bagi menyemarakkan lagi Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara bagi Tahun 1440 Hijrah / 2019 Masihi.

Hadir selaku tetamu kehormat khas ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Acara dimulakan dengan Sembahyang Fardu Subuh berjemaah yang diimamkan oleh Tenaga Pengajar, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanul Bolkihah, Awang Haji Mohd. Aliman bin Haji Salim, diikuti dengan bacaan Surah Al-Kahfi yang diketuai oleh Pegawai Masjid, Masjid Kampung Penanjong, Awang Haji Mohammad Kartolo bin Haji Abang.

Diteruskan lagi dengan Tadabbur Al-Quran mengenai Surah Al-Kahfi yang disampaikan oleh Penolong Pensyarah, Pusat Ilmu Teras, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Awang Hilman bin Haji Salim.

Penolong Pensyarah, Pusat Ilmu Teras dalam ceramahnyanya menjelaskan surah Al-Kahfi mempunyai banyak fadilat yang antaranya dikurniakan perlindungan daripada fitnah dajjal bagi sesiapa yang selalu membaca 10 ayat terawal dan 10 ayat terakhir Surah Al-Kahfi.

"Rasullullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, barang siapa membaca Al-Kahfi pada hari Jumaat, nescaya cahaya akan meneranginya selama waktu antara Jumaat yang satu ke Jumaat berikutnya (Riwayat Al-Hakim dan Al-Baihaqi)," jelas Awang Hilman lagi.

Majlis yang diadakan serentak di keempat-empat daerah tersebut antara lain bertujuan untuk meningkatkan keramaian menunaikan Sembahyang Fardu Subuh secara berjemaah, di samping memakmurkan rumah Allah.

Masjid Mohamed Bolkihah, Kampung Serusop



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud (empat, kanan), Pemangku Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Ahmaddin bin Haji Abd. Rahman (dua, kanan) dan Timbalan Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Matsatejo bin Sokiauw (tiga, kanan) semasa menunaikan Sembahyang Fardu Subuh berjemaah.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Hamzah Mohidin

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 5 April. - Bersempena Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara bagi Tahun 1440H / 2019M, Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Hal Ehwal Masjid telah mengadakan Kempen Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah secara serentak di keempat-empat daerah di semua masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara.

Pada majlis berlangsung di

Masjid Mohamed Bolkihah, Kampung Serusop, antara yang hadir selaku tetamu kehormat khas ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; Pemangku Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Ahmaddin bin Haji Abd. Rahman dan Timbalan Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga